

Pengganti PM orang yang dapat teruskan Wawasan 2020

U.M. - 9 NOV 1992.

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Qato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu bakal penggantinya seorang yang dapat meneruskan Wawasan 2020 dan boleh bekerja ke arah itu.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan beliau berpegang kepada tradisi UMNO yang menetapkan bahawa Timbalan Presiden parti akan dilantik sebagai penggantinya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan pemberita di sidang akhbar di akhir Perhimpunan Agung UMNO mengenai apakah kriteria yang perlu ada pada pemimpin dari kalangan Naib Presiden yang beliau lihat boleh ditonjolkan sebagai penggantinya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidaklah mengharapkan pemimpin tersebut akan mengikut wawasan itu sepenuhnya tetapi jika adapun perubahan tidaklah sehingga 180 darjah.



DR. MAHATHIR

Beliau menambah, pertandingan untuk merebut jawatan parti pada tahun hadapan adalah terbuka kepada sesiapa sahaja.

Katanya, tidak siapa pun berhak menghalang mana-mana pemimpin yang hendak bertanding walaupun untuk merebut jawatan Pre-

siden dan Timbalan Presiden.

"Pertandingan boleh diadakan tetapi biarlah secara sopan dan tertib;" tegas beliau.

Diminta mengulas kenyataannya semalam bahawa beliau tidak akan menentukan sendiri bakal penggantinya, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa Timbalan Presiden partilah yang merupakan orang yang bakal menggantikannya jika mengikut tradisi yang diamalkan oleh UMNO.

Beliau berkata: "Orang yang akan menggantikan saya selepas ini sudah tentulah Timbalan Presiden jika kita mengikut tradisi yang kita amalkan selama ini, tetapi pelapis ketiga biarlah parti yang menentukan."

Menurut Dr. Mahathir, apa yang dimaksudkannya semalam di mana beliau menegaskan bahawa beliau tidak akan sekali-kali menamakan bakal penggantinya

ialah mengenai golongan pelapis di peringkat Naib Presiden.

Katanya, perkara yang dicakapkannya semalam bukanlah soal pemimpin lapis kedua tetapi "saya bercakap soal pelapis ketiga dalam parti."

Beliau menjelaskan, adalah tidak wajar baginya untuk menyatakan siapakah pemimpin di peringkat ketiga yang akan menggantikannya sedangkan mengikut tradisi dalam UMNO, orang seterusnya yang akan memimpin parti adalah Timbalan Presiden.

"Tetapi tahun depan, perebutan sengit adalah di peringkat Naib Presiden...jadi adalah tidak elok untuk saya menamakan siapakah yang akan menggantikan saya dari kalangan pemimpin pelapis ketiga ini," ujarnya